

JAS

JABATAN ALAM SEKITAR



**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAS
BIL.1/2026 DAN AMANAT KETUA PENGARAH
ALAM SEKITAR**

27 JANUARI 2026



**OPS BONGKAR KONTENA
3-9 MAC 2026**

"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

 JABATAN ALAM SEKITAR





*Kumpulan
Editorial*



PENASIHAT

**Nor Aziah Binti
Jaafar** S.I.S



KETUA EDITOR

**Salkiah binti
Mohamad
Salleh Tan**



EDITOR

**Ts. Ir. Shazana
binti Mohd
Ibrahim**



EDITOR

**Zainirul Ailis
binti Mustafa**

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS

3

JANUARI 2026

LAWATAN PELAJAR SARJANA KESIHATAN AWAM, FAKULTI PERUBATAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KAMPUS SUNGAI BULOH KE JABATAN ALAM SEKITAR PUTRAJAYA MESYUARAT DUA HALA BAGI KETETAPAN BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERLOMBONGAN & KUARI DI MALAYSIA ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG)	4-5
PENYAMPAIAN WATIKAH PEWAKILAN KUASA JAS SEMPENA MAJLIS AMANAT YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM	6-7
MESYUARAT GERAK KERJA & LAWATAN TAPAK PENGANJURAN PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KE-32 TAHUN 2026	8-9
KARNIVAL SUKAN RAKYAT KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN ALAM SEKITAR (KESAS) 2026	10
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAS BIL. 1/2026 DAN AMANAT KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR	11-12
	13-14

FEBRUARI 2026

LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN DI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH	15
LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN DI JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	16
SESI LIBAT URUS PENGUATKUASAAN EIA BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI BENGKEL PANEL PENILAI SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR SESI 2025/2026	17-18
KUNJUNGAN HORMAT DARI PIHAK SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) KE ATAS JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) PUTRAJAYA	19
TINJAUAN PENGUATKUASAAN YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES) KE PELABUHAN KLANG	20
	21-22

MAC 2026

JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI SELANGOR KETUIA OPERASI KHAS "OPS BONGKAR" KONTENA DI PELABUHAN KLANG, SELANGOR	23
UCAPAN PERSARAAN YBHG. DATUK DR CHING THOO A/L KIM	24
HARI KEDUA OPS BONGKAR JAS SELESAI PEMERIKSAAN 99 BUAH KONTENA	25
HARI KETIGA OPS BONGKAR: PENEMUAN KONTENA E-WASTE MENINGKAT KEPADA 151 KONTENA	26
HARI KEEMPAT OPS BONGKAR: JAS KOMITED PEMULANGAN KONTENA KE NEGARA ASAL	27
JAS SELESAI "OPS BONGKAR KONTENA" 103 KONTENA E-WASTE DIPERIKSA	28
KENYATAAN MEDIA	29
MEMUPUK KELESTARIAN ALAM: PROGRAM HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA DI BAZAR RAMADAN 2026	30-31
UCAPAN TAHNIAH KEPADA YBHG DATUK WIRA ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN @ MOHD ZAINUDDIN	32
DEWAN NEGARA LULUS RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2026	33
13TH ASEAN+3 LEADERSHIP PROGRAMME ON SUSTAINABLE CONSUMPTION AND PRODUCTION (SCP) "CLIMATE RESILIENCE THROUGH SCP AND CIRCULAR ECONOMY (CE) FOR A SUSTAINABLE FUTURE"	34-35
BENGKEL PEMBENTUKAN GARIS PANDUAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BAHAN BERBAHAYA KEPADA ALAM SEKELILING) 202X BILANGAN 1/2026	36-37
JAS RAIH PENGIKTIRAFAN MELALUI PROJEK KETAHANAN KOMUNITI PESIRIS PANTAI	38-39
KSU NRES TURUN PADANG TINJAU ISU E-WASTE DI PELABUHAN KLANG	40
MAJLIS KHATAM AL-QURAN & TAZKIRAH RAMADHAN SEMPENA WORLD QURAN HOUR 2026	41
18TH ANNUAL EAST ASIA AND PACIFIC (EAP) REGIONAL WORKSHOP ON MONTREAL PROTOCOL (MP) IMPLEMENTATION	42-43
PENYERTAAN JAS DALAM RERUAI PAMERAN SEMPENA HARI METEOROLOGI SEDUNIA 2026	44

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Alhamdulillah.

dengan limpah kurnia-Nya, e-Buletin Jabatan Alam Sekitar bagi edisi pertama tahun ini (Januari hingga Mac 2026) berjaya diterbitkan sebagai medium komunikasi strategik dalam menyampaikan pencapaian, inisiatif serta hala tuju jabatan kepada seluruh warga dan pihak berkepentingan.

Memasuki tahun 2026, Jabatan Alam Sekitar terus memperkukuh perannya sebagai agensi peneraju dalam pengurusan alam sekitar negara melalui pendekatan yang lebih bersepadu, berasaskan data dan dipacu teknologi. Penekanan utama diberikan kepada pemantapan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 selaras dengan pindaan terkini yang memperuntukkan penalti lebih tegas dan bersifat pencegahan.

Bagi tempoh suku pertama tahun ini, jabatan telah melaksanakan pelbagai operasi penguatkuasaan secara berfokus, termasuk tindakan kompaun dan pendakwaan terhadap kesalahan pencemaran alam sekitar, khususnya yang melibatkan pencemaran air dan pelepasan efluen industri. Usaha ini diperkukuhkan melalui penggunaan sistem pemantauan digital dan analitik data secara masa nyata bagi meningkatkan kecekapan tindakan serta ketelusan maklumat kepada umum.

Dalam mendepani cabaran pencemaran yang semakin kompleks, jabatan terus memperkukuh kolaborasi strategik bersama agensi kerajaan, pihak industri dan komuniti. Pendekatan bersepadu ini amat penting bagi memastikan penyelesaian yang lebih holistik dan mampan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Penerbitan e-Buletin ini diharapkan dapat menjadi platform perkongsian maklumat yang berimpak tinggi dalam meningkatkan kesedaran, memperkukuh kepercayaan serta menggalakkan penglibatan semua pihak dalam usaha memelihara alam sekitar. Sesungguhnya, kelestarian alam sekitar adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan komitmen berterusan dan tindakan kolektif.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Jabatan Alam Sekitar atas dedikasi serta komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menjayakan agenda kelestarian alam sekitar negara.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

“Malaysia Madani”

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar Malaysia

e-Buletin Bil. 1/2026



LAWATAN PELAJAR SARJANA KESIHATAN AWAM, FAKULTI PERUBATAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) KAMPUS SUNGAI BULOH KE JABATAN ALAM SEKITAR PUTRAJAYA

5 JANUARI 2026, PUTRAJAYA

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar oleh mahasiswa Program Sarjana Kesihatan Awam (Master of Public Health) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Sungai Buloh seramai 16 orang, yang diketuai oleh pensyarah fakulti iaitu Dr. Mohamad Ikhsan bin Selamat.

Kunjungan ini disambut oleh Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat serta pegawai-pegawai kanan bahagian. Pegawai-pegawai JAS berasa gembira dan teruja menyambut kedatangan dan mengalu-alukan kedatangan semua mahasiswa ke pejabat JAS. Sesi lawatan sambil belajar yang telah diatur ini sedikit sebanyak dapat memenuhi keperluan kurikulum Kesihatan Persekitaran Semester 1, sesi 2025/2026 mereka.



Kedatangan mahasiswa UiTM ke pejabat JAS bukanlah sekadar lawatan, tetapi juga merupakan satu peluang untuk memahami peranan dan tanggungjawab JAS dalam menjaga dan memulihara serta memelihara alam sekitar. Sebagai agen utama dalam melaksanakan dasar-dasar alam sekitar negara, JAS yakin lawatan ini akan memberikan pandangan yang berbeza mengenai cabaran dan usaha dalam pemuliharaan alam sekitar demi kelestarian alam sekitar yang kita cintai. Melalui program ini, mahasiswa berkesempatan untuk mendengar taklimat mengenai bidang tugas utama JAS iaitu penguatkuasaan dan seterusnya topik mengenai Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Mahasiswa juga berpeluang mendengar taklimat di dalam Bilik Pusat Data Alam Sekitar (EDC) dan Perpustakaan Digital Alam Sekitar (EDL).



Di samping bidang tugas utama JAS yang melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mahasiswa juga didedahkan dengan maklumat bahawa JAS juga melaksanakan tugas-tugas berkaitan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA). CEPA adalah kaedah yang telah diterimapakai untuk menggerakkan para pemegang taruh ke arah memahami dan mengamalkan penggunaan sumber semulajadi secara lestari. Ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran, pengetahuan dan kemahiran di kalangan masyarakat di negara ini melalui pelbagai aktiviti pendidikan dan latihan yang bertujuan untuk menyokong tindakan dan perubahan tingkah laku masyarakat. JAS telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti mengenai kesedaran alam sekitar serta menyebarkan maklumat kepada semua lapisan masyarakat untuk membina komuniti yang mementingkan kelestarian alam sekitar, termasuk kepada golongan mahasiswa IPT.

JAS berharap agar mahasiswa dapat belajar dari pengalaman yang kami kongsi dan ini merupakan peluang yang sangat bernilai untuk mendalami pengetahuan dalam bidang alam sekitar dan bagaimana ia berkait rapat dengan pengajian di IPT. Semoga pengalaman ini memberi inspirasi kepada mahasiswa untuk terus menyokong usaha kelestarian alam sekitar. JAS mengucapkan selamat berjaya dalam pengajian dan semoga terus cemerlang dalam perjalanan ke arah menjadi profesional kesihatan awam yang cemerlang.



MESYUARAT DUA HALA BAGI KETETAPAN BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERLOMBONGAN & KUARI DI MALAYSIA ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG)



8 JANUARI 2026, PUTRAJAYA

Mesyuarat Dua Hala Bagi Ketetapan Berhubung Dengan Pelaksanaan Projek-Projek Perlombongan & Kuari Di Malaysia Antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) Dan Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG) telah diadakan pada 8 Januari 2026. Mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dan YBhg. Datuk P.Geol Haji Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, selaku agensi tuan rumah. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi kedua-dua Jabatan.

Mesyuarat ini diadakan secara tahunan dan merupakan platform strategik untuk memperkukuh kerjasama dua hala antara JAS dan JMG, khususnya dalam menambah baik pelaksanaan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi aktiviti perlombongan dan kuari di Malaysia. Mesyuarat ini jua penting dalam membincangkan perkara-perkara berkaitan menambahbaik fungsi dan peranan Agensi masing-masing khasnya dalam hal berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di bawah peranan agensi masing-masing.




Dalam mesyuarat ini, pihak JAS telah membentangkan dua kertas pembentangan. Kertas pertama bertajuk "Penentuan Keperluan Penyediaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi Aktiviti Perlombongan Sedia Ada", yang melibatkan pengemaskinian carta alir penentuan keperluan penyediaan EIA termasuk definisi-definisi berkaitan. Kertas kedua yang dibentangkan bertajuk "Kertas Persetujuan Bersama antara JAS dan JMG: Halatuju Pelaksanaan Penguatkuasaan EIA bagi Aktiviti Perlombongan". Pelaksanaan penguatkuasaan ini dijangka bermula pada suku ketiga (Q3) tahun 2026. Turut dibentangkan ialah draf intipati Syarat-syarat Kelulusan EIA dan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM).

Dalam ucapan aluannya, YBhg. Dato' Ketua Pengarah Alam Sekitar menzahirkan penghargaan atas komitmen serta kerjasama erat antara JAS dan JMG, dan menyeru semua ahli mesyuarat agar terus memberikan pandangan yang membina demi kepentingan negara serta kelestarian alam sekitar.

Mesyuarat ini turut menetapkan bahawa Jabatan Alam Sekitar akan menjadi tuan rumah bagi mesyuarat seterusnya yang dijadualkan pada suku keempat tahun 2026.



PENYAMPAIAN WATIKAH PEWAKILAN KUASA JAS SEMPERNA MAJLIS AMANAT YANG BERHORMAT MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM



15 JANUARI 2026

Hari ini, sempena Majlis Amanat Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup telah menyempurnakan penyampaian Watikah Perwakilan Kuasa kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan, dengan diiringi oleh Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menggubal danewartakan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan) yang menggabungkan enam (6) perintah sedia ada di bawah satu perintah tunggal.

KPI 100 HARI

<p>1</p> <p>BACAAN PERTAMA RUUPIN & RUUIKLIM Menjelang Mac 2026</p>	<p>2</p> <p>DASAR PASARAN KARBON KEBANGSAAN Memangkin ekosistem pasaran Karbon Negara</p>	<p>3</p> <p>PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (1974) Menjelang Mac 2026</p>	<p>4</p> <p>PROGRAM LOW CARBON CITY 2030 Mengiktiraf peranan PBT menangani kesan Perubahan Iklim</p>
<p>5</p> <p>KEMPEN HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA Menerapkan amalan "Bring Your Own Bag"</p>	<p>6</p> <p>PERKUKUH KERJASAMA KERAJAAN NEGERI Insentif Dana Ecological Fiscal Transfer</p>	<p>7</p> <p>Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) sekurang-kurangnya 3 OBK menjelang Mac 2026</p>	<p>8</p> <p>MENDIGITALKAN PERKHIDMATAN Memuktamadkan Sistem e-Tanah dengan Kerajaan Negeri Pahang</p>
<p>9</p> <p>MENYELESAIKAN ISU TERKAIT MA63 Mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri bagi penyerahan 4 lot tanah kepada Kerajaan Sabah</p>	<p>10</p> <p>INISIATIF SKIM STRATA KHAS MADANI Menyediakan penyelesaian bagi hak milik strata tertunggak bagi "bangunan khas"</p>		



Perintah ini telah diwartakan pada 7 Julai 2025 dan mula berkuat kuasa pada 8 Julai 2025, melibatkan jabatan kerajaan, pihak berkuasa tempatan serta perbadanan yang dinyatakan di dalam perintah tersebut.

Melalui perintah ini, Ketua Pengarah Alam Sekitar mewakili sebahagian kuasa kepada agensi berkaitan di bawah Seksyen 49 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) bagi memperkukuh penguatkuasaan dan menangani isu alam sekitar secara lebih berkesan dan bersepadu.



MESYUARAT GERAK KERJA & LAWATAN TAPAK PENGANJURAN PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI KE-32 TAHUN 2026

20 JANUARI 2026, KUALA TERENGGANU

Sebagai persediaan rapi menjelang Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pendidikan Tinggi ke-32 Tahun 2026, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan Mesyuarat Gerak Kerja dan Lawatan Tapak bersama pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di sekitar kampus UMT. Program ini merupakan langkah proaktif bagi memastikan setiap aspek perancangan, termasuk logistik, teknikal, dan lokasi pertandingan, disusun dengan teliti bagi menjamin kelancaran penganjuran.

Mesyuarat Gerak Kerja dan lawatan tapak ini dipengerusikan oleh Encik Fadli bin Mamat, Pengarah Pusat Pembangunan dan Pemerkasaan Mahasiswa UMT. Pasukan penganjur daripada JAS diketuai oleh Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS. Lawatan tapak ini memberikan peluang kepada pihak JAS dan UMT untuk menilai fasiliti yang bakal menjadi medan perdebatan, serta mencerminkan komitmen kedua-dua pihak dalam menyediakan suasana yang kondusif dan inspiratif kepada para peserta. Ia juga merupakan platform untuk memperkukuh kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan institusi pendidikan tinggi dalam mendidik generasi muda supaya lebih peka terhadap isu alam sekitar dan mampu menghasilkan penyelesaian yang inovatif serta berkesan.



Melalui pertandingan ini, JAS menekankan kepentingan pemikiran kritikal, kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan kesedaran kelestarian alam sekitar di kalangan mahasiswa. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi negara untuk membentuk generasi hijau yang bertanggungjawab, serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pemimpin dalam kelestarian alam sekitar di peringkat antarabangsa.

Dengan kolaborasi erat ini, JAS yakin bahawa pertandingan ini bukan sekadar sebuah acara, tetapi menjadi platform pembelajaran dan inspirasi yang memberi impak jangka panjang terhadap pembangunan modal insan yang prihatin terhadap alam sekitar.



KARNIVAL SUKAN RAKYAT KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN ALAM SEKITAR (KESAS) 2026

24 JANUARI 2026, PUTRAJAYA

Kelab Kebajikan dan Sukan Jabatan Alam Sekitar Putrajaya (KESAS) telah berjaya menganjurkan Karnival Sukan Rakyat JAS 2026 dalam suasana penuh meriah dan semangat kekitaan di HA Megah Sports, UNITEN.

Program yang berlangsung seawal jam 7.00 pagi ini telah menghimpunkan warga Jabatan Alam Sekitar (JAS) daripada semua Bahagian Ibu Pejabat, sekali gus menjadi platform dalam memperkukuh hubungan silaturahim serta memupuk budaya kerja berpasukan dalam suasana santai dan harmoni.

Majlis dimulakan dengan ketibaan barisan pengurusan tertinggi jabatan, diikuti dengan perarakan masuk rumah sukan iaitu Zamrud, Topaz, Nilam dan Delima, nyanyian lagu Negaraku dan bacaan doa. Seterusnya, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Pengerusi KESAS sebelum majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Puan Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan JAS.



Bagi menyemarakkan lagi semangat kesukanan, sesi senamrobik turut diadakan sebelum acara sukan rakyat dimulakan. Pelbagai aktiviti menarik dan menghiburkan telah dipertandingkan, antaranya acara lastik tin, lari dalam guni, kait botol, gusti lengan, baling selipar, lari bawa bola pingpong serta acara makan tembikai. Turut mencuri tumpuan ialah acara berpasukan seperti bola sepak kain batik dan bola sepak kain pelekat yang berjaya mencetuskan suasana ceria dan gelak tawa dalam kalangan peserta..

Karnival ini bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat, malah berperanan sebagai medium untuk memperkukuh jaringan komunikasi dalaman serta meningkatkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga JAS. Penyertaan aktif daripada pelbagai peringkat menunjukkan komitmen tinggi warga jabatan dalam menjayakan program seumpama ini.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang sebagai tanda penghargaan atas semangat kesukanan yang ditunjukkan telah diadakan pada Majlis Perhimpunan BULANAN JAS BIL.1/2026 DAN AMANAT KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR pada 27 JANUARI 2026.

Penganjuran Karnival Sukan Rakyat KESAS 2026 ini jelas mencerminkan usaha berterusan Jabatan Alam Sekitar dalam memastikan keseimbangan antara kecemerlangan organisasi dan kesejahteraan warganya, selaras dengan aspirasi membentuk persekitaran kerja yang sihat, produktif dan berdaya tahan.





MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JAS BIL. 1/2026 DAN AMANAT KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR

27 JANUARI 2026, PUTRAJAYA

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Bil. 1 Tahun 2026 yang disempurnakan dengan Amanat Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar.

Dalam amanat beliau, warga JAS digesa untuk terus memperkukuh budaya kerja berintegriti, mempercepat pelaksanaan tugas serta memperhebat reformasi perkhidmatan. Beliau turut mengupas dan berkongsi amanat YAB Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan YB Menteri NRES sebagai panduan serta perspektif hala tuju Jabatan bagi tahun 2026.

Pada majlis yang sama, YBhg. Dato' Ketua Pengarah Alam Sekitar turut menyampaikan Sijil Penghargaan kepada semua Bahagian di JAS Ibu Pejabat dan Negeri atas pencapaian cemerlang pematuhan pemeriksaan aset alih 100% bagi tahun 2025.





Majlis Perhimpunan ini turut disertai dengan penyampaian hadiah sempena Karnival Sukan JAS Putrajaya Tahun 2026, yang berlangsung dengan penuh meriah dan semangat kesukanan, menghimpunkan seluruh warga JAS Putrajaya dalam suasana kekeluargaan dan kebersamaan.

Program ini merangkumi:

- Kejohanan e-Sukan Dalaman (20 Disember 2025)
- Karnival Sukan Rakyat (24 Januari 2026) di HA Megah Uniten

Pertandingan sukan yang penuh warna-warni ini melibatkan penyertaan empat rumah sukan iaitu Zamrud, Topaz, Nilam dan Delima.

Turut hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan ini ialah Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS; Pn. Hajah Azuri Azizah binti Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan); Pengarah-pengarah Bahagian Ibu Pejabat; Pengarah EIMAS serta Pengarah-pengarah Negeri.





LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN DI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH

11 FEBRUARI 2026, SABAH

Bahagian Komunikasi Strategik, Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah melaksanakan lawatan pemantauan pengurusan Perpustakaan JAS di JAS Negeri Sabah dan juga melaksanakan sesi pembelajaran serta promosi penggunaan bahan rujukan dalam talian merangkumi pangkalan data, e-buku, e-jurnal dan sumber digital lain bagi menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

Sesi perbincangan dan percambahan idea bagi penganjuran aktiviti di dalam Enviro Library serta lawatan ke perpustakaan JAS Negeri Sabah juga telah dijalankan oleh pegawai Ibu Pejabat JAS Putrajaya.



LAWATAN PEMANTAUAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN DI JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

12 FEBRUARI 2026, LABUAN



Bahagian Komunikasi Strategik, Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah mengadakan lawatan pemantauan pengurusan Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Labuan (JASWPL).

Dalam lawatan tersebut, satu sesi perkongsian turut diadakan berhubung penggunaan bahan rujukan dalam talian yang merangkumi pangkalan data, e-buku, e-jurnal serta pelbagai sumber digital lain bagi menyokong aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

Adalah diharapkan agar lawatan ini memberi manfaat dan menyumbang ke arah usaha memastikan kelestarian alam sekitar di W.P. Labuan terus terpelihara.





SESI LIBAT URUS PENGUATKUASAAN EIA BERSAMA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI

11 FEBRUARI 2026, PUTRAJAYA

Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menganjurkan Sesi Libat Urus (SLU) Penguatkuasaan EIA bersama JAS Negeri sebagai platform strategik bagi memperkukuh pelaksanaan dan penyelarasan penguatkuasaan EIA di seluruh negara. Sesi ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penilaian, Tuan Norazizi bin Adinan, dan menghimpunkan wakil pasukan penguatkuasaan EIA dari JAS Negeri serta Ibu Pejabat bagi memastikan setiap tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara berkesan, berintegriti dan berakauntabiliti selaras dengan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.





Antara pengisian utama sesi ini termasuk pembentangan status pencapaian penguatkuasaan EIA bagi tahun 2025, taklimat berkaitan SOP Penguatkuasaan EIA dan SOP Perintah Larangan, pembentangan status pelaksanaan Sistem Pemantauan EIA (SPEIA), serta pemakluman berhubung pelaksanaan program audit dalaman sebagai mekanisme semak dan imbang dalam menilai tahap pematuhan terhadap SOP, Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2015 dan prinsip tatakelola jabatan.

Sesi ini turut menekankan kepentingan integriti, pematuhan prosedur dan profesionalisme dalam setiap tindakan penguatkuasaan. Pendekatan yang konsisten serta berteraskan tatakelola yang mantap adalah penting bagi memastikan setiap keputusan dan tindakan dapat dipertahankan dari sudut perundangan, teknikal dan etika perkhidmatan awam, seterusnya menyokong agenda pembangunan mampan negara serta pemeliharaan alam sekitar secara berkesan dan berterusan.



BENGGEL PANEL PENILAI SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR SESI 2025/2026

25-26 FEBRUARI 2026, PUTRAJAYA

Bengkel Panel Penilai SLAAS bagi Sesi 2025/2026 telah berjaya dilaksanakan di Putrajaya secara hybrid menghimpunkan barisan panel penilai daripada seluruh negara.

Bengkel ini menampilkan gabungan penyertaan secara fizikal oleh pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari seluruh negara, pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Insitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM, serta penyertaan secara dalam talian oleh pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh YBrs. Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya. Beliau turut menzahirkan penghargaan atas komitmen dan kerjasama padu semua pihak dalam menjayakan program penting ini.



Objektif bengkel ini adalah untuk memberikan penerangan dan latihan amali (hands-on) mengenai kaedah dan kriteria penilaian terhadap komponen-komponen SLAAS. Usaha ini adalah penting bagi memastikan proses penilaian Program SLAAS dapat dijalankan dengan lebih bersistem, telus, dan berintegriti. Bengkel ini turut dijadikan platform sebagai sesi perbincangan serta perkongsian pengalaman untuk memantapkan pemahaman para panel mengenai kaedah penilaian menerusi Sistem MySLAAS.

Semoga komitmen dan kerjasama semua panel penilai akan terus memperkasakan pelaksanaan SLAAS dalam membudayakan amalan kelestarian alam sekitar di institusi pendidikan.

Terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat.

KUNJUNGAN HORMAT DARI PIHAK SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) KE ATAS JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) PUTRAJAYA

27 FEBRUARI 2026, PUTRAJAYA

Satu sesi kunjungan hormat dari pihak Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) ke atas Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah diadakan pada hari ini bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka, JAS Ibu Pejabat.

YBrs. Puan Asliza binti Ali, Setiausaha/ Ketua Pegawai Eksekutif, EAIC telah mengetuai delegasi dari Ahli Jawatankuasa Kajian Penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar Bagi Proses Pemeriksaan Dan Kelulusan Kemasukan Kontena Di Pelabuhan-Pelabuhan Utama Di Malaysia, EAIC dan disambut oleh pihak JAS yang diketuai oleh YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan).

Melalui sesi kunjungan hormat ini, pihak EAIC telah menyatakan hasrat serta skop dan hala tuju kajian yang sedang dilaksanakan.

Seterusnya, pihak JAS telah memberi taklimat berhubung perundangan yang berkaitan, tatacara pelaksanaan, isu-isu berbangkit serta kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan pemeriksaan kemasukan kontena di pelabuhan-pelabuhan utama Negara serta langkah-langkah penambahbaikan yang telah dan sedang diambil.

Semoga sesi ini akan mengeratkan lagi kerjasama baik yang sedia ada telah terjalin di antara pihak JAS dan pihak EAIC dalam memperkasakan JAS selaku agensi penguatkuasaan.






**TINJAUAN PENGUATKUASAAN
YANG BERHORMAT MENTERI
SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM (NRES)
KE PELABUHAN KLANG**



28 FEBRUARI 2026, KLANG

Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, telah mengadakan tinjauan penguatkuasaan di pelabuhan bagi meneliti secara lebih dekat status kontena dalam usaha menangani isu kemasukan kontena e-waste secara haram ke negara ini.

Malaysia tidak membenarkan sebarang pengimportan buangan terjadual selaras dengan Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Rentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya. Konvensyen tersebut menetapkan bahawa semua aktiviti import, eksport, transit atau pemindahan (transshipment) buangan terjadual perlu mendapatkan kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar terlebih dahulu. Sehingga kini, tiada sebarang kelulusan import e-waste atau buangan terjadual lain yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).





Berdasarkan rekod semasa, daripada keseluruhan 818 kontena yang berada di pelabuhan, sebanyak 605 kontena telah berjaya diperiksa oleh JAS. Daripada jumlah tersebut, 503 kontena merupakan kontena di bawah siasatan Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) dan telah diperiksa menerusi pelaksanaan Ops Dermaga. Operasi ini dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), dengan JAS bertindak sebagai agensi kes predikat dalam siasatan tersebut.

Turut hadir semasa tinjauan penguatkuasaan YB Menteri adalah Datuk Nor Yahati Awang, Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bersama pegawai kanan Kementerian, Puan Hajah Azuri Azizah Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS bersama pegawai-pegawai kanan JAS beserta wakil Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS); serta agensi-agensi berkaitan termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Westports Malaysia Sdn. Bhd.





JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI SELANGOR KETUAI OPERASI KHAS “OPS BONGKAR” KONTENA DI PELABUHAN KLANG, SELANGOR



3 MAC 2026, PELABUHAN KLANG

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah mengetuai Operasi Khas “Ops Bongkar” Kontena di Pelabuhan Klang, Selangor. Operasi ini melibatkan kerjasama daripada Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK).

Sebanyak 45 kontena yang disyaki membawa buangan terjadual telah diperiksa. Pemeriksaan berjaya mengesan 40 buah kontena mengandungi buangan terjadual yang mana 22 daripadanya adalah E-Waste (SW 110), 4 kontena mengandungi buangan bateri terpakai (SW 102), 4 kontena mengandungi buangan wayar terpakai (SW 422), 1 kontena mengandungi buangan bateri solar panel (SW 103) dan 9 kontena mengandungi campuran buangan terjadual yang lain.

Tindakan Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan bagi mengarahkan pihak konsaini untuk menghantar pulang kontena yang mengandungi buangan terjadual tersebut ke negara asal.

Pemulangan kontena ini adalah amaran tegas bahawa Malaysia tidak membenarkan sebarang pengimportan buangan berbahaya merentasi sempadan selaras dengan komitmen negara di bawah Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya.

Orang ramai adalah diingatkan bahawa sebarang pengimportan buangan terjadual tanpa kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan apabila disabitkan kesalahan akan dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun penjara dan denda tidak kurang daripada RM 100,000.00 dan tidak melebihi RM 10 juta ringgit.

PERSARAAN

YBHG. DATUK DR CHING THOO A/L KIM

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI

DAN KELESTARIAN ALAM



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

Sekalung Penghargaan & Selamat Bersara

Diucapkan kepada

**YBHG. DATUK DR CHING THOO
A/L KIM**

**Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli
dan Kelestarian Alam**

Terima kasih atas dedikasi dan komitmen
sepanjang perkhidmatan.
Semoga fasa baharu ini membawa ketenangan
dan kegembiraan.

Berkuat kuasa
4 MAC 2026

Ikhlas daripada

**Pengurusan Tertinggi serta
Warga Jabatan Alam Sekitar**



"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

JABATAN ALAM SEKITAR

JABATANALAMSEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR

JABATAN ALAM SEKITAR





HARI KEDUA OPS BONGKAR JAS SELESAI PEMERIKSAAN 99 BUAH KONTENA

4 MAC 2026, PELABUHAN KLANG

Jabatan Alam Sekitar meneruskan Operasi Khas "Ops Bongkar Hari-2" pemeriksaan kontena di Pelabuhan Klang dalam usaha membanteras kemasukan buangan terjadual ke negara ini.

Sepanjang operasi dua hari ini sebanyak 99 buah kontena yang disyaki mengandungi buangan terjadual telah diperiksa.

Pada tarikh 3 Mac 2026, sebanyak 45 kontena telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, 40 kontena didapati mengandungi buangan terjadual, di mana 22 kontena dikenal pasti sebagai sisa elektronik (e-waste).



Pada tarikh 4 Mac 2026 pula, sebanyak 54 kontena telah diperiksa. Hasil pemeriksaan mendapati 32 kontena mengandungi buangan terjadual, dengan 25 kontena daripadanya merupakan sisa elektronik (e-waste).

Sehubungan itu, Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan kepada pihak konsaini bagi mengarahkan semua kontena tersebut dihantar pulang ke negara asal.

JAS komited memastikan Malaysia bebas daripada kemasukan buangan haram demi melindungi alam sekitar dan kesihatan rakyat.



HARI KETIGA OPS BONGKAR: PENEMUAN KONTENA E-WASTE MENINGKAT KEPADA 151 KONTENA



5 MAC 2026, PELABUHAN KLANG

Ops Bongkar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesan 38 kontena mengandungi buangan terjadual, termasuk 21 kontena sisa elektronik (e-waste) dalam operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan di Pelabuhan Klang bagi membanteras cubaan membawa masuk buangan berbahaya secara tidak sah ke Malaysia.

Penemuan tersebut direkodkan hasil pemeriksaan pada hari ketiga pelaksanaan Ops Bongkar, yang menyaksikan 52 kontena diperiksa hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan 151 kontena telah diperiksa sepanjang tiga hari operasi dijalankan.

Sebagai agensi penguatkuasaan utama di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, JAS mengetuai dan menyelaras keseluruhan operasi termasuk pemeriksaan fizikal kontena, semakan dokumentasi pengimportan serta penilaian teknikal bagi mengenal pasti kandungan buangan terjadual. Tindakan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan bagi memastikan Malaysia tidak dijadikan destinasi pelupusan buangan haram, khususnya sisa elektronik yang boleh memberi kesan serius kepada alam sekitar dan kesihatan awam.



Susulan penemuan tersebut, JAS akan memulakan proses pemulangan semua kontena yang mengandungi e-waste ke negara asal selaras dengan prosedur di bawah Konvensyen Basel. Notifikasi pemulangan akan dikemukakan kepada negara asal, manakala Notis Arahan turut akan dikeluarkan kepada pihak yang membawa masuk kontena berkenaan. Sekiranya pihak terlibat gagal menguruskan pemulangan kontena tersebut, tindakan tegas boleh diambil di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang memperuntukkan denda maksimum sehingga RM10 juta atau penjara sehingga lima tahun, atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.



HARI KEEMPAT OPS BONGKAR: JAS KOMITED PEMULANGAN KONTENA KE NEGARA ASAL

6 MAC 2026, PELABUHAN KLANG

Jabatan Alam Sekitar (JAS) meneruskan pemeriksaan terhadap kontena yang disyaki mengandungi buangan terjadual, khususnya sisa elektronik (e-waste), yang cuba dibawa masuk secara tidak sah ke negara ini melalui Pelabuhan Klang. JAS telah menggerakkan pasukan penguatkuasaan yang melibatkan pegawai penguatkuasa dari Ibu Pejabat JAS, JAS Negeri Selangor, JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta JAS Negeri Sembilan. Operasi ini turut dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi strategik iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) serta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Namun usaha memerangi e-waste bukanlah tanggungjawab JAS semata-mata. Pendekatan "Whole of Nation" amat penting dalam menangani rangkaian kemasukan e-waste secara haram ke negara ini, khususnya dengan memutuskan rantaian permintaan dan penawaran yang mendorong kegiatan tersebut.



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

HARI KEEMPAT OPS BONGKAR: JAS KOMITED PEMULANGAN KONTENA KE NEGARA ASAL

Jabatan Alam Sekitar (JAS) meneruskan pemeriksaan terhadap kontena yang disyaki mengandungi buangan terjadual, khususnya sisa elektronik (e-waste), yang cuba dibawa masuk secara tidak sah ke negara ini melalui Pelabuhan Klang. JAS telah menggerakkan pasukan penguatkuasaan yang melibatkan pegawai penguatkuasa dari Ibu Pejabat JAS, JAS Negeri Selangor, JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta JAS Negeri Sembilan. Operasi ini turut dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi strategik iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) serta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Namun usaha memerangi e-waste bukanlah tanggungjawab JAS semata-mata. Pendekatan "Whole of Nation" amat penting dalam menangani rangkaian kemasukan e-waste secara haram ke negara ini, khususnya dengan memutuskan rantaian permintaan dan penawaran yang mendorong kegiatan tersebut.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dalam sesi perbahasan di Parlimen, "Isu e-waste bukan sekadar soal satu agensi atau satu titik penguatkuasaan. Ia melibatkan rantaian aktiviti yang panjang dan kompleks merentasi pelbagai bidang kuasa bermula dari negara pengeksporth, melalui syarikat perkapalan dan ejen penghantaran, masuk ke pelabuhan, disimpan di gudang, sebelum sebahagiannya dihantar ke kilang-kilang haram untuk diproses. Lebih membimbangkan, sisa daripada pemrosesan tersebut sering dilupuskan secara haram di kawasan ladang, kebun atau hutan sehingga berpotensi mencemarkan alam sekitar serta menjejaskan kesihatan awam.

Sehubungan itu, operasi pelabuhan dan perkapalan berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan, manakala kawalan kemasukan di sempadan dikendalikan oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM). Pada masa yang sama, tindakan terhadap kilang-kilang haram memproses e-waste yang didirikan tanpa kelulusan berada di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah. Justeru, usaha membanteras kegiatan ini memerlukan pendekatan penguatkuasaan

bersepadu dan kerjasama rentas agensi bagi memutuskan keseluruhan rantaian pengimportan serta pemrosesan haram e-waste."

Ops Bongkar yang dilaksanakan pada hari ke empat melibatkan **7 kontena**, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **158 kontena** dan **72 kontena** telah dikenalpasti mengandungi e-waste, telah diperiksa sepanjang tempoh operasi setakat ini. Berdasarkan rekod menunjukkan kontena mengandungi e-waste ini adalah daripada Amerika Syarikat dan selebihnya adalah daripada negara lain termasuk Brazil, Singapura, Turki, Spain, China, Thailand, Kanada, Uruguay dan Ecuador. Tindakan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan memastikan Malaysia tidak dijadikan destinasi pelupusan buangan haram, khususnya sisa elektrik dan elektronik yang berpotensi memberi kesan serius dan menjejaskan alam sekitar serta kesihatan awam.

JAS juga komited dalam usaha pemulangan semula kontena-kontena yang mengandungi e-waste dan buangan terjadual ke negara asal melalui pengeluaran Notis Arahan di bawah Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pengimport, ejen penghantaran, syarikat perkapalan atau mana-mana pihak yang didapati terlibat dengan aktiviti pengimportan haram ini. Tindakan pemulangan semula kontena ke negara asal dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Konvensyen Basel, melibatkan negara-negara pengeksporth yang telah dikenal pasti. Kegagalan mematuhi arahan atau penglibatan dalam aktiviti pengimportan haram buangan terjadual boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi lima (5) tahun dan denda tidak kurang daripada RM100,000 serta tidak melebihi RM10 juta.

JABATAN ALAM SEKITAR
6 MAC 2026



Unit Komunikasi Korporat I Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

JAS SELESAI “OPS BONGKAR KONTENA” 103 KONTENA E-WASTE DIPERIKSA

3-9 MAC 2026 - Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus mempergiat penguatkuasaan bagi menangani isu kemasukan haram e-waste ke negara ini.

Melalui pelaksanaan Ops Bongkar Kontena yang telah dijalankan dari 3-9 Mac 2026 di Pelabuhan Klang, sebanyak 213 kontena yang disyaki mengandungi buangan terjadual telah diperiksa dengan kerjasama pelbagai agensi strategik.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus mempergiat penguatkuasaan bagi menangani isu kemasukan haram e-waste ke negara ini.

Melalui pelaksanaan Ops Bongkar Kontena yang telah dijalankan dari 3-9 Mac 2026 di Pelabuhan Klang, sebanyak 213 kontena yang disyaki mengandungi buangan terjadual telah diperiksa dengan kerjasama pelbagai agensi strategik.

Hasil pemeriksaan mendapati:

- 103 kontena mengandungi e-waste
- 24 kontena buangan bateri asid plumbum
- 18 kontena buangan bercampur
- 65 kontena skrap logam
- 3 kontena bateri litium

Siasatan lanjut menunjukkan 90% kontena tersebut berasal dari Amerika Syarikat, manakala selebihnya dari beberapa negara lain.

Operasi bersepadu ini melibatkan kerjasama Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan SIRIM.

OPERASI PENGUATKUASAAN JABATAN ALAM SEKITAR

OPS BONGKAR KONTENA

3 - 9 MAC 2026

KERJASAMA BERSAMA

213 KONTENA DITAHAN!

103 KONTENA E-WASTE	24 KONTENA BUANGAN BATERI ASID PLUMBUM	18 KONTENA BUANGAN BERCAMPUR	65 KONTENA SKRAP LOGAM	3 KONTENA BATERI LITIUM
-------------------------------	---	---	----------------------------------	-----------------------------------

NEGARA PENGEKSORT

90% KONTENA DARI AMERIKA SYARIKAT

Selebihnya dari:
Brazil, Singapura, Sepanyol, Turkiye, China, Thailand, Jepun, Emiriah Arab Bersatu, Kanada, Saint Lucia, Barbados, Chile, UK, Uruguay, Ecuador

"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

f JABATAN ALAM SEKITAR | JABATAN ALAM SEKITAR | JABATANALAMSEKITAR | JABATAN ALAM SEKITAR



KENYATAAN MEDIA



KENYATAAN MEDIA

SELESAI "OPS BONGKAR" 103 KONTENA E-WASTE DIKESAN

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus mempergiat usaha penguatkuasaan bagi menangani isu lambakan kontena haram e-waste di pelabuhan utama negara. Susulan lawatan kerja saya ke Pelabuhan Klang pada 28 Februari 2026, Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan Ops Bongkar dan menggerakkan pasukan penguatkuasaan yang melibatkan pegawai penguatkuasa dari Ibu Pejabat JAS, JAS Negeri Selangor, JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta JAS Negeri Sembilan.

Ops Bongkar yang bermula dari 3 Mac hingga 9 Mac 2026 merupakan langkah proaktif dalam menangani isu lambakan kontena di pelabuhan tersebut, khususnya untuk menyelesaikan pemeriksaan baki 213 kontena yang ditahan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang disyaki mengandungi e-waste. Operasi ini turut dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi strategik iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) serta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Berdasarkan status pemeriksaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap 213 kontena tersebut, didapati sebanyak 148 kontena mengandungi buangan terjadual. Daripada jumlah tersebut, 103 kontena daripadanya disahkan mengandungi e-waste manakala selebihnya adalah buangan terjadual lain iaitu 24 kontena mengandungi buangan bateri asid plumbum, 3 kontena mengandungi buangan bateri lithium dan 18 kontena mengandungi campuran buangan terjadual serta bukan buangan terjadual. Selebihnya sebanyak 65 kontena didapati

mengandungi sisa plastik dan skrap logam yang diklasifikasikan sebagai bukan buangan terjadual.

Rekod siasatan lanjut menunjukkan 90% kontena mengandungi buangan terjadual dan e-waste ini adalah daripada Amerika Syarikat, manakala selebihnya adalah dari negara lain termasuk Brazil, Singapura, Sepanyol, Turkiye, China, Thailand, Kanada, Saint Lucia, Barbados, Chile, United Kingdom, Jepun dan Emiriah Arab Bersatu, Uruguay dan Ecuador.

Peningkatan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu oleh pelbagai agensi di pelabuhan termasuk usaha mempergiat pengesanan, pemeriksaan dan penahanan kontena yang disyaki mengandungi e-waste turut menyumbang kepada pertambahan kontena yang ditahan dan seterusnya menyebabkan lambakan di kawasan pelabuhan.

Kementerian sedang meneliti cadangan penubuhan Cawangan Jabatan Alam Sekitar di Pelabuhan Klang melalui penambahan perjawatan JAS bagi memperkukuh kawalan serta mempercepatkan tindakan penguatkuasaan terhadap kes yang melibatkan buangan terjadual atau e-waste di pelabuhan.

Penugasan pegawai JAS secara tetap di pelabuhan dijangka dapat mempercepatkan proses pemeriksaan dan tindakan penahanan terhadap kontena yang mencurigakan, di samping memastikan pengurusan kes dilakukan secara lebih cekap dan teratur. Langkah ini juga diyakini dapat membantu mengurangkan isu lambakan serta memastikan operasi pelabuhan terus berjalan dengan lancar.

Malaysia menegaskan pendirian mutlak tidak membenarkan sebarang pengimportan buangan terjadual, khususnya e-waste, selaras dengan komitmen di bawah Konvensyen Basel yang mewajibkan kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar bagi setiap aktiviti rentas sempadan. Memandangkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sehingga kini tidak pernah mengeluarkan sebarang kebenaran import bagi bahan tersebut, sebarang e-waste yang dikesan di pelabuhan negara merupakan kemasukan secara haram dan aktiviti penyeludupan yang menyalahi undang-undang.

Bagi mengekang jenayah ini, NRES akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai agensi, terutamanya agensi penguatkuasaan seperti Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kementerian sekali lagi menegaskan bahawa Malaysia tidak akan sesekali menjadi tempat pembuangan sampah dunia. Tindakan undang-undang yang tegas akan terus diambil terhadap mana-mana pihak termasuk ejen atau syarikat perkapalan yang cuba berkompromi dengan keselamatan alam sekitar dan kesihatan awam Negara.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
10 MAC 2026



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
 Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

[nresmalaysia](https://www.facebook.com/nresmalaysia)

103 KONTENA
E-WASTE

3 KONTENA
BATERI LITUM

MEMUPUK KELESTARIAN ALAM: PROGRAM HINDARI PLASTIK SEKALI GUNA DI BAZAR RAMADAN 2026



6 MAC 2026, BAZAR RAMADAN PRESINT 3, PUTRAJAYA

Dalam usaha memperkukuh kesedaran dan pembudayaan masyarakat terhadap kepentingan memelihara alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Program Hindari Plastik Sekali Guna di Bazar Ramadan 2026 di Bazar Ramadan Presint 3, Putrajaya. Program ini merupakan salah satu inisiatif berterusan jabatan dalam mendekati masyarakat bagi menggalakkan pengurangan penggunaan plastik sekali guna, khususnya di lokasi tumpuan awam seperti bazar Ramadan.

Melalui pendekatan turun padang, pegawai JAS telah berinteraksi secara langsung dengan para peniaga dan pengunjung bazar bagi menyampaikan mesej kesedaran mengenai kesan penggunaan plastik sekali guna terhadap alam sekitar. Dalam masa yang sama, masyarakat turut digalakkan untuk mengamalkan alternatif yang lebih lestari seperti membawa beg guna semula, bekas makanan sendiri serta menggunakan pembungkusan yang lebih mesra alam.





Penganjuran program ini juga selaras dengan pelaksanaan dasar kerajaan melalui Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018–2030 yang diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Pelan hala tuju ini bertujuan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna secara berperingkat melalui pendekatan kesedaran awam, perubahan tingkah laku pengguna serta menggalakkan penggunaan alternatif yang lebih mesra alam. Dasar ini turut menyasarkan pengurangan ketara penggunaan plastik sekali guna menjelang tahun 2030 melalui kerjasama kerajaan, industri dan masyarakat.

Penganjuran program ini juga bertujuan membudayakan amalan hijau dalam kehidupan seharian, di samping meningkatkan tahap kesedaran orang ramai terhadap tanggungjawab bersama dalam mengurangkan penghasilan sisa plastik. Usaha ini amat signifikan memandangkan jumlah penggunaan plastik sekali guna lazimnya meningkat sepanjang bulan Ramadan berikutan aktiviti jual beli di bazar yang semakin rancak.

Program ini diharapkan dapat memperkukuh lagi kesedaran serta penglibatan masyarakat dalam usaha mengurangkan penggunaan plastik sekali guna selaras dengan aspirasi kerajaan. Melalui sokongan dan kerjasama semua pihak, amalan gaya hidup yang lebih lestari dapat dipupuk secara berterusan demi memastikan alam sekitar terus terpelihara dan kesejahteraan bumi dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

**PELANTIKAN YBHG DATUK WIRA ANIS RIZANA
BINTI MOHD ZAINUDIN @ MOHD ZAINUDDIN
SEBAGAI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN
SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
BERKUAT KUASA 9 MAC 2026**



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

Selamat Datang & Tahniah

Diucapkan kepada

**YBHG. DATUK WIRA ANIS RIZANA
BINTI MOHD ZAINUDIN @ MOHD ZAINUDDIN**

atas pelantikan sebagai

**Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli
dan Kelestarian Alam**

Ikhlaskan daripada

**Pengurusan Tertinggi serta
Warga Jabatan Alam Sekitar**



"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



DEWAN NEGARA LULUS RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2026

9 MAC 2026



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

KELULUSAN RANG UNDANG-UNDANG PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (AKAS) 1974

1 APA ITU PINDAAN?

PERUBAHAN UTAMA

- Menteri Sumber Asli & Kelestarian Alam diberi kuasa untuk menggantung kuat kuasa keseluruhan atau sebahagian Akta 127 di mana-mana bahagian di Malaysia termasuk Sabah & Sarawak.
- Pindaan ini dibuat selaras dengan Perkara 95C Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa lebih kepada negeri dalam urusan tertentu seperti pengurusan buangan terjadual.

LULUS

2 KUASA PENGANTUNGAN

- Menteri boleh menggantung kuat kuasa Akta 127 secara sebahagian atau keseluruhan di mana-mana bahagian.
- Ini penting supaya negeri yang diberi kuasa dapat melaksanakan peraturan mereka sendiri tanpa konflik bidang kuasa persekutuan.

3 IMPAK KEPADA MALAYSIA

MANFAAT UTAMA PINDAAN TERMASUK:

- Perundangan yang lebih jelas untuk Sabah & Sarawak dalam hal alam sekitar.
- Pengurusan & kawal selia buangan terjadual dijalankan secara teratur.

4 KENAPA PINDAAN INI PENTING ?

- Memberi kuasa melalui perundangan kepada Sabah & Sarawak dalam pengurusan buangan terjadual (scheduled waste).
- Menguatkuasa undang-undang yang lebih tersusun tanpa pertindihan bidang kuasa.
- Manifestasi komitmen Kerajaan MADANI memperkukuh kedudukan Sabah dan Sarawak di bawah kerangka Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)

'PERUNDANGAN DIPERKUKUH, ALAM SEKITAR TERPELIHARA'

"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

f JABATAN ALAM SEKITAR
📍 JABATAN ALAM SEKITAR
📷 JABATANALAMSEKITAR
✂ JABATAN ALAM SEKITAR

13TH ASEAN+3 LEADERSHIP PROGRAMME ON SUSTAINABLE CONSUMPTION AND PRODUCTION (SCP) “CLIMATE RESILIENCE THROUGH SCP AND CIRCULAR ECONOMY (CE) FOR A SUSTAINABLE FUTURE”

9-11 MARCH 2026 - MANILA PHILIPPINES

Memperkukuh kerjasama serantau dan memacu amalan mampan, 13th ASEAN Plus Three Leadership Programme on Sustainable Consumption and Production (SCP) dianjurkan oleh Department of Environment and Natural Resources (DENR) of the Philippines dengan kerjasama ASEAN Sekretariat, EU SWITCH-Asia Policy Support Component (PSC) dan Hanns Seidel Foundation di Filipina. Bertemakan “Ketahanan Iklim melalui SCP dan Ekonomi Kitaran demi Masa Depan yang Mampan”, program ini menghimpunkan penggubal dasar kerajaan serta delegasi antara kementerian dari seluruh Negara Anggota ASEAN dan tiga negara Rakan Dialog – China, Korea dan Jepun bagi membincangkan hubungan penting antara pengeluaran mampan dan tindakan iklim. Wakil delegasi Malaysia di bawah kapasiti ASEAN Working Group on Environmental Education (AWGEE) ialah Puan Nor Iwani binti Basri, Penolong Pengarah Kanan, dan Puan Azlin binti Ahmad, Penolong Pegawai Kawalan daripada Seksyen Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Komunikasi Strategik.





13th ASEAN+3 Leadership Programme on Sustainable Consumption and Production

Climate change is reshaping development priorities across all sectors, posing significant challenges. It is not a challenge that can be solved through renewable energy alone, but requires the deliberate integration of material considerations within climate action through circular economy. Across ASEAN, circular principles are increasingly being built into policy frameworks.

Atty. Jonas R. Leones

Chairperson, ASEAN Senior Officials on the Environment (ASOEN) Undersecretary for Policy, Planning, and International Affairs Department of Environment and Natural Resources (DENR), Philippines



Key Insights from the 13th ASEAN+3 Leadership Programme on Sustainable Consumption and Production

*** Materials Matter for Climate**

Without transformative changes in how materials are extracted, used, and reused, global climate goals will remain out of reach.

*** Align policies, accelerate impact**

Circular Economy and Climate Change policies are often managed by separate ministries. Integrating circular principles into national climate strategies, while strengthening policymakers' technical capacity, is key to treating them as a unified agenda.

*** Finance and markets enable transition**

Developing a clear circular investment taxonomy can unlock green financing, while Green Public Procurement (GPP) can leverage public purchasing power to accelerate markets for sustainable products and services.



Sepanjang tiga hari program, para delegasi meneroka instrumen utama seperti Green Public Procurement (GPP) dan Extended Producer Responsibility (EPR), di samping memperkukuh pendekatan serta mekanisme pembiayaan yang menyokong daya tahan rendah karbon. Program ini juga menjadi platform strategik untuk berkongsi amalan inovatif dan membincangkan hala tuju dasar bagi mengintegrasikan matlamat iklim ke dalam strategi ekonomi kitaran di peringkat nasional dan serantau. Melalui kerjasama serantau dan perkongsian pengalaman, program ini diharapkan dapat memperkasakan rangkaian pemimpin untuk menerajui pelaksanaan dasar SCP dan dasar iklim secara bersepadu ke arah masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan.



BENGGKEL PEMBENTUKAN GARIS PANDUAN PERATURAN- PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BAHAN BERBAHAYA KEPADA ALAM SEKELILING) 202X BILANGAN 1/2026

10-12 MAC 2026, PULSE GRANDE HOTEL

Pengurusan bahan kimia berbahaya merupakan aspek yang amat penting dalam memastikan perlindungan alam sekitar serta kesihatan manusia sentiasa terpelihara. Perkara ini adalah selaras dengan perkembangan pesat sektor industri dan perdagangan bahan kimia, di samping pengukuhan sistem kawal selia negara.

Sehubungan dengan itu, pembangunan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bahan Berbahaya kepada Alam Sekeliling) 202X berserta garis panduan berkaitan merupakan satu langkah proaktif dan strategik dalam memperkukuh pengurusan bahan kimia berbahaya di negara ini.

Oleh itu, bengkel ini bertujuan untuk merangka prosedur pelaksanaan yang lebih terperinci dan praktikal bagi memastikan Garis Panduan yang dibangunkan adalah selaras dengan kehendak peraturan serta dapat dilaksanakan dengan jelas dan berkesan apabila ia berkuat kuasa kelak. Sesi ini telah dihadiri oleh wakil Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat, agensi-agensi pengurusan bahan kimia di Malaysia, pihak akademik serta perunding.





Garis panduan yang akan dibangun dan diperhalusi melalui bengkel ini akan memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan peraturan tersebut. Ia bukan sahaja bertujuan untuk memperjelaskan keperluan peraturan kepada pihak industri dan agensi berkaitan, malah turut membantu memastikan pelaksanaan peraturan dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan konsisten.



Pada masa yang sama, usaha ini juga selari dengan komitmen Malaysia dalam memperkukuh pengurusan bahan kimia berbahaya di peringkat antarabangsa. Malaysia kini sedang dalam usaha untuk meratifikasi Stockholm Convention on Persistent Organic Pollutants (POPs) yang memberi tumpuan kepada kawalan bahan kimia berbahaya yang bersifat persisten, biokumulatif serta berpotensi memberi kesan jangka panjang kepada alam sekitar dan kesihatan manusia

Sehubungan itu, pengukuhan kerangka kawal selia bahan kimia berbahaya di peringkat kebangsaan, termasuk melalui pembangunan peraturan serta garis panduan yang jelas dan komprehensif, merupakan satu langkah penting bagi memastikan negara bersedia untuk melaksanakan komitmen tersebut dengan lebih berkesan.



JAS RAIH PENGIKTIRAFAN MELALUI PROJEK KETAHANAN KOMUNITI PESISIR PANTAI



11 MAC 2026

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Puan Azila Haji Amran dari Bahagian Air dan Marin, JAS yang telah berjaya menerima Silver Award in Recognition of Outstanding Capstone Project menerusi projek bertajuk "The Kyojo Project: Building Resilient Coastal Community in Malaysia." Pengiktirafan ini diperolehi dalam Program Pembangunan Kepakaran dan Perunding Kerajaan (PRESTIJ) anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), IEG Campus serta Disaster Management Training Centre (DMTC), University of Tokyo (UTokyo), Jepun.





Program ini berlangsung selama 6 bulan bermula 11 Ogos 2025 hingga 6 Februari 2026, melibatkan 19 peserta daripada pelbagai kementerian dan agensi, dengan tempoh 5 bulan latihan di Jepun dan 1 bulan di Malaysia. The Kyojo Project mengetengahkan cadangan untuk memperkukuh daya tahan komuniti pesisir pantai dalam menghadapi bencana maritim, khususnya insiden tumpahan minyak di laut. Projek ini menekankan kepentingan kesiapsiagaan di semua peringkat bukan hanya di peringkat pihak kerajaan dan industri malah bermula di peringkat komuniti dan nelayan utk bersama-sama memastikan tindak balas terhadap insiden tumpahan minyak dapat dilaksanakan dengan pantas dan berkesan.

Penglibatan komuniti dalam melaporkan kejadian tumpahan minyak secara formal melalui platform yang disediakan amat penting kerana dalam pengurusan bencana tumpahan minyak, masa adalah faktor paling kritikal bagi meminimumkan kesan terhadap alam sekitar dan ekosistem marin. Semoga pencapaian ini terus menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuh tadbir urus dan usaha pemeliharaan alam sekitar dan ketahanan komuniti pesisir pantai di Malaysia.



KSU NRES TURUN PADANG TINJAU ISU E-WASTE DI PELABUHAN KLANG

13 MAC 2026, PELABUHAN KLANG

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Datuk Wira Anis Rizana Mohd Zainudin hari ini mengadakan lawatan kerja ke Pelabuhan Klang bagi meninjau sendiri situasi lambakan kontena serta perkembangan pemeriksaan kontena yang disyaki mengandungi e-waste.

Sebelum memulakan sesi lawatan ini, KSU NRES turut mempengerusikan mesyuarat koordinasi bersama Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) bagi memperkukuh kerjasama strategik antara agensi dalam membanteras kemasukan e-waste secara tidak sah ke negara ini.

Turut hadir sama dalam lawatan kerja ini Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam) NRES, Datuk Nor Yahati Awang serta Pengarah Bahagian Penguatkuasaan JAS, Tuan Haji Rosli Zul bersama pegawai kanan Kementerian dan Jabatan





MAJLIS KHATAM AL-QURAN & TAZKIRAH RAMADHAN SEMPERA WORLD QURAN HOUR 2026

13 MAC 2026, PUTRAJAYA

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran dan Tazkirah Ramadhan sempena sambutan World Quran Hour 2026 dalam suasana penuh penghayatan dan keberkatan di Perpustakaan Enviro@JAS.

Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini telah mendapat penyertaan warga JAS yang bersama-sama mengimarahkan bulan Ramadan melalui aktiviti pengisian rohani dan pembudayaan Al-Quran dalam kehidupan seharian.



Majlis dimulakan dengan sesi tazkirah Ramadhan daripada Al-Fadhil Ustaz Muhd Redza bin Ahmad yang memberi penekanan kepada penghayatan Surah Al-Muzammil selaras dengan tema World Quran Hour tahun ini.

Pengisian ini memberi peluang kepada warga JAS untuk memahami mesej Al-Quran secara lebih mendalam serta menghayati nilai-nilai kesabaran, keikhlasan dan ketekunan dalam melaksanakan amanah.

Seterusnya diikuti majlis khatam Al-Quran yang melibatkan penyertaan warga jabatan secara beramai-ramai.

18TH ANNUAL EAST ASIA AND PACIFIC (EAP) REGIONAL WORKSHOP ON MONTREAL PROTOCOL (MP) IMPLEMENTATION



25 MAC 2022, GUANGZHOU

Annual East Asia and Pacific (EAP) And Montreal Protocol (MP) Joint Regional Workshop on MP Implementation yang ke-18, anjuran Bank Dunia telah diadakan selama 3 hari (25 hingga 27 Mac 2026) di Guangzhou, China. Seramai 11 delegasi Malaysia yang terdiri daripada pegawai NRES (1), JAS (3), Suruhanjaya Tenaga (1), Sirim (1) dan wakil industri pengeluar daripada sektor penyejukbekuan (7) telah menghadiri bengkel pada kali ini. Sesi pembukaan telah disempurnakan oleh Wenfu Dong, Director, Division of Ozone Layer Protection, Department of Atmospheric Environment Ministry of Ecology and Environment (MEE), China dan Elif Kiratli, Program Manager, Montreal Protocol and GEF Coordination Unit, World Bank.





Bengkel ini memfokuskan kepada penggunaan teknologi alternatif yang lebih mesra alam bagi menggantikan bahan pemusnah ozon dalam sektor industri seperti peralatan penyejukbekuan, penyaman udara kediaman, pemadam api, dan pembuatan busa. Selain perkongsian mengenai polisi dan keputusan terkini di bawah Protokol Montreal, wakil industri turut berpeluang untuk menyertai latihan perisian simulasi reka bentuk sistem penyejukbekuan dan penyaman udara (RAC), serta lawatan ke fasiliti Midea Group Co. Ltd.. Penganjuran ini menjadi platform penting bagi Malaysia dan negara serantau untuk menyelaraskan strategi pengurangan bahan terkawal (HCFC dan HFC) demi menangani kesan penipisan lapisan ozon dan perubahan iklim secara global.



PENYERTAAN JAS DALAM RERUAI PAMERAN SEMPENA HARI METEOROLOGI SEDUNIA 2026

31 MAC 2026, BANGI

Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui Bahagian Komunikasi Strategik telah dijemput untuk menyertai reruai pameran sempena Sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2026 yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Penyertaan ini merupakan satu platform strategik bagi Jabatan dalam memperkukuhkan penyampaian maklumat, meningkatkan kesedaran awam serta memperkenalkan peranan dan fungsi JAS dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Reruai pameran ini turut mengetengahkan pelbagai inisiatif Jabatan termasuk pengurusan sisa elektrik dan elektronik (e-waste), pendaftaran Rakan Alam Sekitar (RAS) serta penerangan berkenaan Malaysia Environmental Quality Management System (MyEQMS) kepada para pengunjung.



Selaras dengan tema sambutan tahun ini, "Pemantauan Hari Ini, Perlindungan Hari Esok", penyertaan Jabatan mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkukuh pemantauan alam sekitar serta menyokong usaha mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

JAS akan terus komited dalam melaksanakan peranan secara proaktif serta memperkukuhkan kerjasama strategik antara agensi bagi memastikan pengurusan alam sekitar yang berkesan dan mampan.



Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

THE THEORY OF ENVIRONMENTAL AGREEMENTS AND TAXES




Although there is a huge demand for accurate analysis of environmental policy outcomes in both the academic and policy-making communities, there is currently very little theoretical research on this issue. This ambitious book redresses the balance by constructing a new theoretical framework at the crossroads between economics and political science to account for the effectiveness of environmental governance.

BIL.23/20

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Ecological and Environmental Economics


Selected Issues and Policy Responses



This unique collection of Clem Tisdell's articles is an eminently readable and comprehensive economic analysis of important contemporary issues involving ecological and environmental economics. Coverage includes the role of ecological economics in the modern world, welfare and ethical considerations in environmental economics, sustainability concerns, the potential role of local communities in conservation, environmental aspects of population growth, and the relevance of carrying capacity concepts. The value for environmental management of different types of governance and of alternative economic policy instruments (such as environmental taxation compared to tradable permits) is also assessed.


PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Biodiversity and Sustainable Conservation



Humans must consider themselves as a biological and cultural species whose success is eroding the very environment to which they adapted. This book explores this in terms of current scientific and sociobiological understanding of the biodiversity of plants, animals, microbes and ecosystems.

Internet Solutions for Project Managers



A complete guide to using the Internet to improve project management performance Empowered by a new generation of Internet technologies and Web applications, managers can now work together from virtually anywhere in the world and on any platform to manage and complete a project.

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Urban Sustainability in the Context of Global Change

Towards Promoting Healthy and Green Cities

"The book presents an explanation of both, the issues and the processes underlying urban sustainability in the context of global change, and the strategy for promotion of healthy and green cities in the world. It will be useful reference for policy makers and those studying urban development, environmental sciences, geography, atmospheric sciences and urban and regional planning.

MORE INFO :
www.eimas.doe.gov.my

BIL.10/2026

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Ecological Techniques and Approaches to Vulnerable Environment




This volume explores ecological techniques and approaches to vulnerable environments, looking at the hydrosphere-geosphere interaction. Topics include the impact of anthropogenic factors on climatic change; dam and water resource development and socio-cultural issues in resource management.

www.eimas.doe.gov.my

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS


Pollution Prevention

The Waste Management Approach to the 21st Century



The book is divided into three parts: Process and Plant Fundamentals, Pollution Prevention Principles, and Pollution Prevention Applications. Part one examines the general subject of process and plant fundamentals, equipment and calculation, process diagrams and economic considerations. Part two covers the broad subject of pollution prevention options, including chapters on source reduction, recycling, treatment methods, and ultimate disposal. Part three contains chapters devoted to specific industrial applications involving pollution prevention. The text is generously supplemented with illustrative examples.

Environmental Pollution and Plant Responses




Comprehensive and global in scope, Environmental Pollution and Plant Responses provides an analysis of the research on the factors contributing to the deteriorating environmental quality and its effect on plant performance.

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

BIL.05/2026

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Environment and Social Theory



The historical relationship between social theory and the environment. pre-Enlightenment and Enlightenment social theory and the environment twentieth century social theory and the environment economic theory and the environment the relationship between ecology, biology and social theory recent theoretical approaches to the environment the development of a green social theory. The ideas and vies of key theorists including Hobbes, Locke, freud, Habermas, Giddens and Beck are discussed to provide comprehensive coverage of social theory for non-specialist readers.

BIL.06/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

River Basin Management

Progress Towards Implementation of the European Water Framework Directive

River Basin Management is a collection of papers presented at a conference on implementation of the EU Water Framework Directive, held in Budapest in May 2005. The Water Framework Directive requires progressive protection and enhancement to rivers, lakes, estuaries, coastal waters and wetlands by the year 2015. At the heart of this major new piece of legislation is the requirement for all EU member states to prepare river basin management plans for all river basin catchments, providing the basis for coordinated improvements to water management, leading to better water quality and sustainable aquatic environments in lakes and rivers.


www.eimas.doe.gov.my

BIL.03/2026

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Environmental Regulation in a Federal System

Framing Environmental Policy in the European Union




In this important book Tim Jeppesen investigates environmental regulation in a federal system and addresses the underlying question of whether regulation should be decided centrally, by EU institutions, or de-centrally, by individual member states. Whilst simple economic reasoning presumes that transboundary externalities require central solutions and local externalities need local solutions, the author finds that the real answer is much more complicated.

BIL.02/2025

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Science Technology Synergy for Research in the Marine Environment


Challenges for the XXI Century




This is the first work detailing recent and on going experiments world wide specifically devoted to deep sea multi disciplinary observation systems, the technology enabling sea floor observatories, and the presentation of first results from these systems.

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan
Kelestarian Alam
Aras 1, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana,
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 - 8871 2000
Faks : 03 - 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727



Perpustakaan
Institut Malaysia Alam Sekitar (EIMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud :101.7883249
Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/ 03-
89261368/ 03-89250873/ 03-89261369
Faks: 03-8926 1700





ENVIRONMENTAL HEALTH WORD SEARCH

W A T E R P O L L U T I O N S X C C Z G M Q E M
 H D N O I T U L L O P R I A E A O B C G Q L R R
 C E A I D I T G A R B A G E W E N F T R E F E S
 M M B M E S A R K H G N D J A T S Z M X D F G P
 A O A N A L F F C Q Q S N R G L T F Z L U U A E
 G L N O D O N N O Z E O C R E S R D R S O R W A
 N I D I A R S O R S S I W G T I U E E G N I E C
 I T O T N T E I A E U L R Y R N C P L O V W S E
 N I N N I N T T L T B P N G E P T C I C J M D A
 I O E E M O S U R S A O O N A L I S F Q Y H N N
 M N D V A C A L E A G L I U T K O N X L F C A D
 L W V E L G W L E W U L T O M R N L C O G P E O
 A A E R S U L O F L R U A O E O W A E R S Q T R
 G S H P T R A P D A D T T L N S A S S T E I E D
 E T I G Q D I E E I C I I R T F S O U N H J R E
 L E C U D E R S G C C O N F R L T P F O S C C R
 L S L R D P T I R E S N A V E A E S E C A K X O
 I G E D Z Y S O A P L H S G S S S I R E L Y E K
 T Y S R X M U N D S S S D L I H H D T S K S N W
 Y B U K Z J D B A H R I O M D F C E E A U U A D
 C C J J D L N E T O J B O Q U L T T E E E W M D
 A N I G S O I N I T E B F C E O T S R S W V U Q
 R G M W S K Z H O U W U K E B O L A T I I B H S
 K H I L I V W X N E J R I D W D I W S D G M W E

SOIL POLLUTION
CORAL REEF DEGRADATION
FLASH FLOOD
REDUCE
CONSTRUCTION WASTES
ABANDONED VEHICLES
ASHES
REFUSE
DRUG ABUSE
WASTE DISPOSAL

NOISE POLLUTION
AIR POLLUTION
ILLEGAL MINING
REUSE
SPECIAL WASTES
INDUSTRIAL WASTES
STREET REFUSE
GARBAGE
DRUG PREVENTION
DISEASE CONTROL

WATER POLLUTION
SOIL EROSION
RECYCLE
SEWAGE TREATMENT RESIDUE
DEMOLITION WASTES
DEAD ANIMALS
RUBBISH
DRUG CONTROL
FOOD SANITATION
PEACE AND ORDER



**Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727**

www.doe.gov.my

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

